

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif kerajaan bagi memastikan migrasi belia luar bandar ke bandar dikurangkan dan bagaimanakah inisiatif tersebut menjamin belia tidak migrasi ke bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemerksaan belia luar bandar merupakan antara agenda penting di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar. Belia dikenalpasti sebagai antara elemen penting untuk merealisasikan wawasan luar bandar sejahtera.

Sehubungan itu, tumpuan bukan sahaja diberikan untuk melengkapkan infrastuktur asas di kawasan luar bandar, tetapi juga mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan, pembangunan aktiviti ekonomi dan sosial ke arah menjadikan luar bandar kawasan yang ideal untuk didiami oleh golongan belia dan mengurangkan migrasi dari luar bandar ke bandar.

Antara program yang dilaksanakan kementerian bagi mencapai objektif ini adalah:

- i. Program Peningkatan Pendapatan (PPP) iaitu program pemberian bantuan peralatan serta latihan kepada kumpulan B40 di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan semasa dan seterusnya keluar daripada zon kemiskinan. Fokus pelaksanaan program adalah kepada projek yang mempunyai elemen mentor mentee. Ia adalah untuk memastikan peserta mendapat bimbingan dan sentiasa dipantau supaya bantuan projek dapat menghasilkan peningkatan pendapatan dan konsisten;
- ii. Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) merupakan skim pembiayaan untuk pembelian aset/ mesin/ peralatan, modal kerja untuk tujuan perolehan bahan mentah/ stok dan pengubahsuaian atau menaiktaraf premis perniagaan;
- iii. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KPLB iaitu GIATMARA, FELCRA, JAKOA, KEDA, KEJORA, KESEDAR dan KETENGAH. Pelaksanaan kursus adalah meliputi kursus jangka pendek, sederhana dan panjang. Selain dilaksanakan dengan kerjasama di antara agensi-agensi di bawah kementerian, program ini juga melibatkan syarikat pengendali latihan kemahiran swasta.

Selain itu, di antara inisiatif KPLB dalam mengatasi masalah migrasi belia luar bandar adalah dengan melaksanakan program TVET di bawah KPLB (TVET@KPLB) di seluruh negara bagi menjadikan TVET sebagai pilihan utama belia luar bandar. Program TVET@KPLB ini dilaksanakan melibatkan tujuh (7) agensi di bawah KPLB iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Sehingga kini, terdapat sebanyak 279 buah institusi TVET@KPLB yang menawarkan 518 program TVET di pelbagai peringkat pengajian yang melibatkan seramai 48,558 orang pelajar di seluruh negara khususnya belia dan pelajar luar bandar.